

Kertas Bil. 28/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN
1 - 5 DISEMBER 2014**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN CADANGAN
PENSTRUKTURAN SEMULA ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SELANGOR
KERTAS BILANGAN 42/2014**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
7.	<p>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA ANAK-SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR</p>	<p>Melantik Konsultan Profesional untuk Memberi Cadangan Penstrukturan Semula</p> <ol style="list-style-type: none"> Jawatankuasa berpendapat bahawa kerajaan negeri wajar merombak semula struktur anak-anak syarikat Selangor supaya mengurangkan penglibatan kerajaan dalam perniagaan. Kajian perlu dilakukan untuk memastikan kerajaan negeri hanya terus mempunyai milikan strategik dalam perniagaan-peniagaan yang berkaitan dengan kepentingan rakyat, mengurangkan kepentingan dalam beberapa anak-anak syarikat, senaraikan beberapa yang lain di Bursa Malaysia untuk meningkatkan disiplin kewangan serta menjual yang selebihnya. Ini akan mengurangkan kerugian yang perlu dibiayai oleh Kerajaan Negeri akibat ketidakekapan anak-anak syarikat. Penstrukturan semula anak-anak syarikat memerlukan kepakaran yang profesional. Dengan itu, Jawatankuasa bercadang bahawa kerajaan melantik satu pasukan konsultan untuk memberi cadangan yang menyeluruh dan profesional dan berdasarkan analisis yang mendalam dengan fakta dan angka. 			<p>Berkenaan cadangan penstrukturan semula anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, Menteri Besar (Diperbadankan) (MB) telah diberi mandat untuk mengkaji semula strategi kepentingan pemilikan keatas anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Untuk pelaksanaan cadangan tersebut, langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Proses rasionalisasi pemilikan aset oleh anak-anak syarikat. Penyatuan / penggabungan aset. Kenalpasti sektor ekonomi yang memerlukan penglibatan strategik Kerajaan Negeri melalui anak-anak syarikat. Memupuk dan memperkasa anak-anak syarikat yang dikenalpasti untuk terlibat dalam sektor ekonomi strategik. Bagi penglibatan dalam sektor ekonomi yang tidak strategik, keputusan akan dibuat sama ada melakukan kerjasama pintar dengan pihak luar (smart partnership), atau mendapatkan pulangan maksimum melalui proses penambahan nilai sebelum pelupusan milikan Kerajaan Negeri. Menyenarai anak-anak syarikat yang berpotensi dipasarkan saham. Untuk jangka panjang, pulangan dividen dari anak-anak syarikat kepada Kerajaan Negeri.

Ah

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		<p>JP-ABAS untuk Mengkaji Rangka Kerja Neutraliti Kompetitif</p> <p>3. Jawatankuasa mencadangkan supaya kerajaan negeri mewujudkan Rangka Kerja Neutraliti Kompetitif (Competitive Neutrality Frameworks, CNF) seperti yang disokong oleh Garis Panduan Urus Tadbir Korporat Perusahaan Milik Kerajaan Negeri OECD ("Garis Panduan SOE").</p> <p>4. Memperkenalkan sebuah CNF adalah untuk mewujudkan perundangan dan persekitaran makro di mana anak-anak syarikat kerajaan beroperasi hampir serupa seperti keadaan yang dihadapi oleh pesaing sektor swasta. Keadaan persaingan neutral menggalakkan persaingan secara berkesan antara anak-syarikat kerajaan dengan syarikat-syarikat swasta dengan mengurangkan kelebihan dalam persaingan yang diterima oleh anak-anak syarikat (seperti bantuan kewangan kerajaan negeri, tanah murah dan lain-lain). Dengan ini, anak-anak syarikat terpaksa meningkatkan efisiensi supaya dapat bersaing dalam pasaran bebas.</p>			<p>Proses penstrukturan semula anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ini akan mengambil tempoh masa yang panjang berdasarkan kepada pengalaman yang dikongsi daripada agensi pelaburan milik kerajaan negeri atau pusat. Bagi memastikan akauntabiliti dan kesinambungan sepanjang proses penstrukturan semula, Kerajaan Negeri telah melantik ahli-ahli professional yang mempunyai kepakaran di MBI menghasilkan pelan tindakan (blue print) yang akan turut memacu pelaksanaan pelan tindakan tersebut bagi tempoh jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, bagi perkara-perkara yang memerlukan kepakaran khusus seperti percubaan korporat dan sumber manusia strategik, MBI akan melantik konsultan untuk memberi pandangan professional untuk pertimbangan pihak pengurusan.</p>